



JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN  
JABATAN PERDANA MENTERI

BORANG MAKLUMAT PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
YANG MENJURUS KEPADA PERLAKSANAAN WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21 (WPA21)  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 2015 / 2016

MSD/BPPA/BOR/02

Version 3.1

Perhatian: Sila lengkapkan di ruang kosong yang disediakan dan tandakan ( ✓ ) pada kotak yang berkenaan.

<b>Kementerian / Jabatan:</b>	Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri			
<b>Tajuk Program / Projek:</b>	Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang			
<b>Keterangan Ringkas Program / Projek:</b>	Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang merupakan salah satu sistem penilaian yang dihasratkan akan dapat memberikan pengiktirafan / penghargaan kepada kementerian dan jabatan kerajaan yang telah berusaha ke arah peningkatan kecekapan, keberkesanan, prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan. Pengiktirafan / penghargaan ini merupakan salah satu ciri penting dalam menggalakkan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan yang berterusan dalam Perkhidmatan Awam. Inisiatif ini juga dihasratkan akan dapat memberi dorongan dan motivasi di kalangan agensi kerajaan khususnya dan warga perkhidmatan awam amnya ke arah mencapai matlamat Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 dan Wawasan Brunei 2035.			
<b>Objektif &amp; Sasaran / KPIs :</b>	a) Menilai dan mengukur prestasi setiap agensi kerajaan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang; b) Menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan agensi kerajaan; c) Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti kerja; d) Membantu memberkesankan usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan dalam Perkhidmatan Awam; e) Memberi promosi meluas mengenai dasar, strategi, mekanisme dan amalan terbaik dalam Perkhidmatan Awam; f) Memberi penghargaan dan pengiktirafan formal kepada agensi kerajaan.			
<b>Fokus WPA21:</b>	Dasar	<input checked="" type="checkbox"/>	Struktur Organisasi	Pelakuan Organisasi

Perancangan / Penyediaan	Pelaksanaan	Pemberigaaan / Penyebarluasan	Pemantauan dan Penilaian	Pencapaian	Cabaran
<p>Perancangan / penyediaan yang dibuat sebelum program / projek dilaksanakan:</p> <p>Kertas cadangan <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Kertas kerja <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Kajiselidik <input type="checkbox"/></p> <p>Muzakarah <input checked="" type="checkbox"/></p> <p><i>Stakeholders / Public Engagement</i> <input type="checkbox"/></p> <p>Kajian rintis / <i>pilot project</i> <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Lain-lain (sila nyatakan):</p> <p>Pembentangan ke Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan (<i>HOD Meeting</i>) di Jabatan Perdana Menteri. <input type="checkbox"/></p>	<p>1. Tarikh dilaksanakan: <u>28 Mac 2015</u></p> <p>2. Adakah program / projek melibatkan kolaborasi dengan agensi lain? <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Ya <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>Jika Ya, sila nyatakan agensi yang terlibat dan bentuk kolaborasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ JPA</li> <li>➤ SPA</li> <li>➤ IPA</li> </ul> <p>3. Adakah pelaksanaan program / projek ini melibatkan beberapa fasa pelaksanaan? <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Ya <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>Jika Ya, sila nyatakan dengan ringkas:</p>	<p>Program / projek diberigakan / disebarluaskan melalui strategi berikut:</p> <p>Titah KDYMM <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Sabda DYTMM <input type="checkbox"/></p> <p>Ucapan Menteri <input type="checkbox"/></p> <p>Surat Keliling <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Surat Pemberitahuan <input type="checkbox"/></p> <p>Minit Edaran <input type="checkbox"/></p> <p>Jerayawara <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Media / Bahan Cetak <input checked="" type="checkbox"/></p> <p><b>Media Massa</b></p> <p>RTB <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Radio <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Laman Sesawang <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Laman Sosial <input type="checkbox"/></p> <p>E-Mel <input type="checkbox"/></p> <p>Lain-lain (sila nyatakan):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Taklimat</li> <li>➤ Peraduan mencipta logo</li> </ul>	<p>1. Mekanisme pemantauan ke atas program / projek dibuat oleh:</p> <p>Jawatankuasa <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Bahagian <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Unit <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Lain-lain (sila nyatakan):</p> <p>2. Adakah laporan kemajuan pelaksanaan program / projek disediakan:</p> <p>Ya <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>Jika ya, kekerapan laporan dibuat:</p> <p>Setiap bulan <input type="checkbox"/></p> <p>Setiap 3 bulan <input type="checkbox"/></p> <p>Setiap 6 bulan <input type="checkbox"/></p> <p>Setahun sekali <input type="checkbox"/></p> <p>Lain-lain (sila nyatakan):</p> <p><u>4 bulan sekali</u></p>	<p>1. Adakah program / projek tersebut menepati objektif yang ditetapkan? <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Ya <input checked="" type="checkbox"/></p> <p>Tidak <input type="checkbox"/></p> <p>Jika Ya, sila nyatakan:</p> <p><u>Program tersebut telah berjaya mencapai sasaran KPI seperti yang telah ditetapkan</u></p> <p>2. Tahap pencapaian sasaran / KPIs yang ditetapkan:</p> <p>a. KPI yang telah ditetapkan bagi program ini ialah # agensi yang memperolehi sekurang-kurangnya 3 bintang ke atas.</p> <p>b. Manakala sasaran memperoleh 3 bintang ke atas bagi tahun 2015 ialah sebuah agensi. Oleh itu, melalui penilaian rintis yang dijalankan, sasaran berkenaan dapat dicapai.</p>	<p>1. Cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan program / projek:</p> <p>a. Dokumen lambat diterima sebelum <i>Entrance Meeting</i></p> <p>b. Kesukaran untuk mendapatkan <i>eviden</i> yang sesuai</p> <p>c. Kurang pengetahuan dan Komitmen Pegawai Sumber yang dilantik.</p> <p>d. Kurang Komunikasi dalam agensi yang dinilai</p> <p>e. Kumpulan Pegawai Penilai masih menerima bukti diluar tempoh <i>fieldwork</i> dan setelah laporan dihadapkan ke agensi.</p> <p>2. Tindakan susulan:</p> <p>a. Menetapkan syarat kelayakan minimum dan peranan Pegawai Sumber yang mana hendaklah mempunyai pengetahuan yang luas akan jabatannya dan memberikan komitmen penuh sepanjang penilaian 3PSA.</p>

	<p><b>Strategi Pelaksanaan:</b></p> <p><b>a) Projek Rintis</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- melaksanakan 3PSA secara rintis terhadap empat (4) jabatan di bawah JPM iaitu, JPA, SPA, IPA dan MSD sendiri. Melalui projek rintis ini beberapa penambahbaikan telah dikenal pasti untuk dilaksanakan sebelum pelaksanaan 3PSA.</li> </ul> <p><b>b) Jerayawara 3PSA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Diadakan pada Mei 2015 dan berlangsung selama empat hari yang dihadiri oleh wakil dari setiap kementerian dan jabatan.</li> <li>- MSD juga secara berterusan memberikan taklimat 3PSA ke agensi-agensi kerajaan yang memerlukan.</li> </ul> <p><b>c) Peraduan Mencipta Logo 3PSA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bagi mewujudkan identiti 3PSA agar mudah diingati dan dikenali ramai, MSD juga telah membukakan Peraduan Mencipta Logo 3PSA.</li> </ul>				<p>b. Menetapkan tarikh terakhir bagi membekalkan pegawai penilai bahan bukti yang diperlukan tidak lewat dari 3 hari selepas berakhir <i>fieldwork</i>.</p> <p>c. Membuat perundingan dengan pihak IPA dan JPA mengenai keperluan latihan yang diperlukan oleh agensi-agensi berkenaan seperti kursus/ latihan yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia, <i>Strategic Management, Project Manangement</i> dan sebagainya.</p>
--	---	--	--	--	---

	<p><b>d) Bengkel 3PSA dan latihan yang berterusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Mengadakan Bengkel 3PSA melibatkan 20 agensi kerajaan yang banyak berurusan dengan orang ramai yang dibahagikan kepada dua sesi.</li><li>- Dilaksanakan sebagai persediaan 20 agensi tersebut bagi penilaian 3PSA secara formal oleh MSD pada tahun 2016.</li></ul> <p><b>e) Self-Assessment</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Pelaksanaan <i>self-assessment</i> telah dilaksanakan oleh agensi-agensi berkenaan selepas bengkel selesai dijalankan.</li><li>- Untuk memastikan <i>self-assessment</i> dilaksanakan <i>on the right track</i>, setiap agensi terlibat dibimbing oleh dua orang mentor yang terdiri daripada pegawai MSD.</li></ul>				
--	---	--	--	--	--

**NOTA:**

1. Program / Projek Pembaharuan dan Penambahbaikan yang dimaksudkan adalah apa jua bentuk usaha pembaharuan dan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh kementerian / jabatan bagi tujuan:
  - i. Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi serta kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan orang ramai;
  - ii. Mengatasi isu / cabaran yang dihadapi dari masa ke semasa; dan
  - iii. Mencapai WPA21 dan Wawasan Brunei 2035.
  
2. Program / Projek Pembaharuan dan Penambahbaikan tidak termasuk perkara-perkara berikut:
  - i. Maklumat dan tugas rutin kementerian / jabatan; seperti mesyuarat, taklimat, latihan / kursus yang dihadiri setiap tahun samada dalam / luar negara; dan
  - ii. Program / Projek Pembaharuan dan Penambahbaikan yang telah diperkenalkan pada tahun-tahun sebelumnya yang tiada dibuat penambahbaikan atau nilai tambah (*added value*) walaupun pelaksanaannya masih berterusan pada tahun ini.
  
3. Program / Projek Pembaharuan dan Penambahbaikan yang dimaksudkan hendaklah menjurus kepada Fokus Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 (WPA21) iaitu:
  - i. Dasar:  
Memperkenalkan atau meneliti semula dasar / undang-undang / peraturan / garispandu dan seumpamanya.
  
  - ii. Struktur Organisasi:  
Bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi serta kualiti penyampaian perkhidmatan melalui penelitian semula ke atas:
    - (a) Struktur Organisasi / Tugas; contoh penstrukturan semula organisasi;
    - (b) Proses;
    - (c) Sistem; dan
    - (d) Prosedur;
  
  - iii. Pelakuan Organisasi:  
Menumpukan kepada perkara-perkara ke arah pembangunan sumber manusia di segi kecekapan, keupayaan, kemahiran, kelayakan, sikap serta tingkah laku pegawai dan kakitangan melalui:
    - (a) Program latihan / bengkel / *exchange programme* yang dilaksanakan oleh kementerian / jabatan;
    - (b) Penekanan terhadap hal ehwal kebajikan serta kesejahteraan pegawai dan kakitangan;
    - (c) Pengiktirafan / insentif kepada pegawai dan kakitangan yang layak; dan
    - (d) Pembudayaan kerja secara berkumpulan seperti Kumpulan Kerja Cemerlang dan seumpamanya.

**\*Borang maklumat boleh dimuat turun dari laman sesawang MSD iaitu <http://www.msd.gov.bn/MSD%20Site%20Pages/Borang.aspx>**